

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

***FILEM THE STONING OF SORAYA M: SEBUAH REALITI
DOMINASI LELAKI***

NORAZILA KASIR

Penulisan Ilmiah yang dikemukakan untuk memperolehi

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Penulisan Artistik) Kepujian.

Jabatan Penulisan Universiti Teknologi Mara


15 Jan 2013

PENGAKUAN

Dengan ini, saya ingin menyatakan bahawa segala kerja-kerja yang dilakukan dalam Penulisan Ilmiah ini telah dihasilkan tertakhluk kepada peraturan Universiti Teknologi MARA. Penulisan Ilmiah ini merupakan karya asli yang dihasilkan oleh saya sendiri, kecuali nukilan serta ringkasan yang mana tiap-tiap satu itu telah saya jelaskan sumber rujukannya. Penulisan Ilmiah ini belum pernah dihantar atau diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik untuk tujuan pengijazahan atau lain-lain penganugerahan.

Sekiranya Penulisan Ilmiah ini telah terbukti melanggar perkara yang telah disebutkan di atas, saya dengan suka relanya akan mengenyepikan atau tidak menuntut sebarang hak bagi penganugerahan ijazah saya. Saya juga bersetuju supaya dikenakan tindakan disiplin berdasarkan peraturan yang telah termaktub oleh Universiti Teknologi MARA.

Nama : Norazila Binti Kasir
No. Pelajar : 2009167601
Program : Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Penulisan Artistik) Kepujian
Fakulti : Fakulti Filem, Teater dan Animasi (UiTM) Shah Alam
Tajuk : *Filem The Stoning Of Soraya M.*; Sebuah Realiti Dominasi Lelaki

Tandatangan : 

Tarikh : *14/01/2012*

PENGHARGAAN

Mawar merah dalam jambangan;

Budi tuan jadi kenangan.

Alhamdulillah, saya rafakkan rasa kesyukuran terhadap Allah S.W.T. yang telah menganugerahkan kesempatan, kekuatan dan keupayaan bagi saya menyempurnakan penulisan ilmiah ini.

Saya amat berlapang dada di atas kurnia dan rahmat yang dicurahkan oleh-Nya sepanjang beberapa bulan mengusahakan penulisan ilmiah yang penuh dugaan dan cabaran ini. Saya berharap agar kajian yang saya paksikan atas nawaitu ilmiah ini akan memberi kemaslahatan kepada saya serta warga pembaca dalam menambah ilmu pengetahuan dan juga memperkasa kualiti penulisan khususnya berkaitan dengan bidang penulisan kreatif.

Tidaklah termampu bagi saya menggalas amanah dan menghadapi getirnya cabaran menyiapkan penulisan ilmiah ini secara bersendirian. Dengan penuh rendah diri dan sembah takzim, saya ingin berterima kasih kepada Pun Umi Kalsom, selaku penyelia latihan ilmiah saya yang sudi mengajar sekaligus membimbing serta menyuntik kekuatan dan motivasi buat diri saya dari awal sehingga penulisan ilmiah ini sempurna direalisasikan.

Buat bonda tersayang (Allmarhummah Roslina Ibrahim) dan ayahanda yang dikasihi, Kasir Jussoh, terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan, kasih sayang dan doa restu kepada anakanda sepanjang tempoh menyiapkan penulisan ilmiah ini. Khas untuk arwah bondaku, segala impianmu bakal anakanda tunaikan dan kejayaan anakanda adalah kejayaan bonda. Semoga Rohmu ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman. Tidak lupa juga kepada rakan-akan seperjuangan, terutamanya Nurul Iva Muzamli, Raihan Suhaimi, Siti Zubaidah dan juga pelajar tahun akhir Fakulti Filem, Teater dan Animasi, terima kasih di atas sokongan, dorongan, serta pendapat yang bernas sepanjang waktu menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Akhir kata, semoga kajian ini menjadi salah satu khazanah ilmu yang tidak ternilai sekaligus menjadikan kita sebagai insan yang berbudaya serta tinggi akliahnya dalam membangunkan keadaan fikrah dan nilai diri sebagai teras kemajuan negara. Insya-Allah.

ABSTRAK

Kewujudan unsur patriarki sukar untuk dikenal pasti kerana fenomena tersebut berlaku dalam semua masyarakat dan agama. Hal ini menyebabkan kematian seorang wanita dalam filem *The Stoning of Soraya M* telah dikaitkan dengan isu keagamaan. Namun maklumat yang diperolehi menyatakan bahawa kematian sebenar wanita tersebut berpunca daripada amalan patriarki masyarakat Iran itu sendiri. Oleh demikian, pengkaji akan mengupas isu tersebut berdasarkan dua objektif utama yang berhubungkait dengan teori patriarki gagasan Sylvia Walby (1990) serta implementasi dari segi pengeksploitasian terhadap Soraya. Pada objektif pertama, pengkaji menumpukan kepada empat struktur patriarki yang paling dominan. Keempat-empat struktur tersebut dikenal pasti menerusi kaedah *Grouping Data Analysis* yang diperkenalkan oleh Weiss (1995). Empat struktur tersebut adalah *Male Violence* (struktur 1), *patriarchal relations in cultural institutions* (struktur 2), *patriarchal relations in the state* (struktur 3) dan *patriarchal relations within paid work* (struktur 4). Dalam objektif kedua, pengkaji hanya memfokuskan dua (2) daripada empat (4) struktur patriarki yang dinyatakan antaranya adalah *Male Violence* (struktur 1) dan *Patriarchal relations in state* (struktur 3).

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyata Masalah Kajian	4
1.3	Latar Belakang Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	6
1.4.1	Untuk menghubungkan kaitkan teori patriarki gagasan Slyvia Walby berdasarkan filem <i>The Stoning of Soraya M.</i>	6
1.4.2	Untuk mengkaji implementasi penindasan golongan patriarki menerusi filem tersebut.	7